

BAB 12

KESIMPULAN

*Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah,
Norashikin Fauzi dan Noor Janatun Naim Jemali*

Kandungan koleksi teknik kerja lapangan untuk pemantauan hutan, haiwan dan tumbuhan ini menjelaskan kaedah lapangan yang boleh dipraktikkan oleh pengkaji daripada pelbagai peringkat. Teknik yang diterangkan dalam buku ini menjelaskan teknik lapangan yang betul, jenis peralatan yang sesuai, pakaian serta cara pengiraan dibincangkan pada setiap bab dengan menggunakan contoh dan data sebenar. Kajian kes dan ilustrasi yang dijelaskan adalah berdasarkan kajian lapangan sebenar dan pengalaman kerja lapangan yang telah dilakukan oleh setiap penulis itu sendiri.

Spesis Dipterokarpa menyumbang kepada biojisim atas tanah (*above ground biomass*) tertinggi dalam Hutan Hujan Tropika. Manakala liana (tumbuhan pemanjat yang melilit atau menggantung secara bersimpang-siur di antara pokok) pula mempunyai nilai ekologi dan ekonomi yang tinggi. Kaedah pengumpulan data bagi tumbuhan ini seperti pembinaan plot, pengukuran pokok, pengumpulan, pengeringan, pengecaman dan penamaan spesimen dan analisa data tumbuhan diterangkan dalam naskhah ini. Formula bagi mendapatkan luas pangkal pokok, ketinggian, biojisim atas tanah juga diberikan berserta contoh termasuklah cara pengiraan dan formula untuk mengira nilai kepentingan (IVI) bagi setiap spesies dalam plot kajian. Kaedah pengukuran biojisim atas tanah dan pengiraan stok karbon bagi liana di bicarakan secara terperinci dalam buku ini. Bagi pencinta halia, teknik lapangan dan penyediaan proses pengecaman spesies, penyediaan herbaria yang betul juga diterangkan dalam buku ini.

Penyelidikan mamalia sama ada kecil atau besar akan lebih popular pada masa depan kerana kepentingan ekologi, kesihatan manusia dan ekonomi negara. Selain tujuan konservasi, pensampelan mamalia bertujuan untuk mengumpul data kepelbagaian dan mengurus haiwan perosak. Pelbagai kaedah pensampelan langsung dan pensampelan secara tidak langsung digunakan seperti pensampelan menggunakan jaring kabut, perangkap harpa, penggunaan kamera dan pengesan bunyi ultrasonik. Walau bagaimanapun, setiap kaedah mempunyai kebaikan dan kekurangan masing-masing yang dijelaskan secara terperinci dalam buku ini.

Bagi penyelidikan ornitologi, pengiraan populasi burung diterangkan lebih terperinci dengan menggunakan kaedah pengiraan titik. Melalui kaedah ini, penyelidik bukan sahaja dapat menghasilkan senarai semak spesies, tetapi juga dapat menganggar